



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

28 FEB - 2 MAC 2026 (SABTU - ISNIN)

Sudah 4 Bulan Sungai Tercemar, Masih Tiada Jawapan?

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	25 Feb



Keadaan Sungai Air Banning yang didakwa tercemar sebelum aliran sungai ini masuk ke Sungai Pertang. FOTO Abnor Hamizam Abd Manap

Jelebu: Punca pencemaran Sungai Pertang, di sini, terus menjadi misteri apabila pihak berkuasa masih belum menemui bukti kukuh atau petunjuk jelas bagi mengenal pasti dalang sebenar yang menyebabkan kejadian itu.

Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, tiga agensi berkenaan Badan Kawal Selia Air (BKSA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) diminta

menyediakan laporan lengkap berkaitan pencemaran Sungai Pertang selewat-lewatanya Selasa hadapan.

"Kita mahu mengetahui apa sebenarnya punca kejadian Sungai Pertang tercemar yang dilaporkan bermula sejak November tahun lalu.

"Jadi ketiga-tiga agensi ini perlu memberi laporan secara lengkap pada Selasa depan sebelum kita mengambil sebarang

keputusan untuk tindakan selanjut," katanya ditemui ketika mengadakan lawatan ke ladang ternakan ayam dan Sungai Air Bening di Simpang Pertang semalam.

Lawatan turut dihadiri Pengarah Veterinar negeri Dr Nurul Ain Ahmad.

Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu berkata, pencemaran berkenaan menimbulkan kegusaran kepada penduduk terutama kepada nelayan dan penduduk yang bergantung kepada air sungai berkenaan.

Katanya, setiap masalah yang berlaku perlu diselesaikan dengan segera apatah lagi ia membabitkan kepentingan orang ramai.

"Saya melawat ladang ayam yang didakwa menjadi punca pencemaran selain melihat sendiri keadaan Sungai Air Bening di dalam ladang sawit di Simpang Pertang dan punca pencemaran ini perlu dikenal pasti," katanya.

Isu pencemaran Sungai Pertang masih menjadi masalah yang merisaukan penduduk dengan aduan terbaharu kepada Pejabat Perikanan Jelebu pada 25 Februari lalu.-[MYMETRO](#)

Dialog Veterinar Perkemas Pelaksanaan Bantuan Ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Berita Sarawak	Dalam Talian	28 Feb



Ahli Parlimen Betong, Dato Dr Richard Rapu Begri ketika hadir ke Sesi Dialog Khas Veterinar bersama penerima bantuan ternakan BDDA di Betong. Foto Parlimen Betong

BETONG, 27 Feb: Seramai 22 peserta menghadiri dialog khas antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak dan penerima bantuan ternakan di bawah dana Agensi Pembangunan Bahagian Betong (BDDA) yang berlangsung di Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Betong, hari ini.

Program itu bertujuan memberi penerangan terperinci serta menyelaraskan pelaksanaan bantuan ternakan yang telah

diluluskan sebelum ini bagi memastikan projek berjalan lancar dan menepati garis panduan ditetapkan.

Empat jenis ternakan dikenal pasti di bawah bantuan berkenaan iaitu lembu daging, kambing, khinzir dan itik, berdasarkan kesesuaian kawasan serta kemampuan peserta.

Ahli Parlimen Betong, Richard Rapu Begri berkata, dialog bersemuka penting bagi memastikan setiap

penerima memahami tanggungjawab serta keperluan teknikal projek.

“Melalui sesi ini, kita mahu memastikan semua penerima bantuan jelas tentang kaedah pelaksanaan, aspek penjagaan ternakan serta pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan pihak veterinar supaya projek ini berjaya dan memberi pulangan yang baik,” katanya dalam kenyataan selepas sesi tersebut, pada Jumaat.

Beliau menambah, penyelarasan awal dapat mengelakkan kekeliruan selain memastikan bantuan yang disalurkan memberi impak maksimum kepada golongan sasaran.

“Kerajaan komited untuk memperkukuhkan sektor penternakan di Betong. Saya berharap para peserta dapat memanfaatkan sepenuhnya bantuan ini bagi meningkatkan pendapatan keluarga dan seterusnya menyumbang kepada bekalan makanan tempatan,” ujarnya lagi.

Dalam sesi tersebut, para peserta turut diberi peluang mengemukakan soalan dan cadangan bagi menambah baik pelaksanaan projek di peringkat komuniti.

Inisiatif itu diyakini mampu memperkasa ekonomi luar

bandar, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta merencanakan lagi pembangunan sektor agromakanan di kawasan Betong.-TVS

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR